

Satu Kajian Mengenai Penggunaan Cap Jari Menurut Perspektif Fiqh Islam

*A Study on the Use of Fingerprints
According to the Fiqhs of Islam*

Mohd Noor Daud
Mohd Syarifudin Abdullah

Abstrak

Kertas ini mengimbas sejarah penggunaan cap jari, fakta-fakta saintifik mengenai penggunaan cap jari dan kaedah pengenal pastian dengan menggunakan cap jari dalam hubungannya dengan penggunaan dalam perundangan Islam. Artikel ini menganalisis pandangan ulama fiqh Islam terhadap penggunaan cap jari bagi mensabitkan kes di mahkamah. Artikel ini berpandangan bahawa mengikut fiqh Islam, cap jari boleh digunakan di mahkamah.

Kata kunci Cap jari, fiqh Islam

Abstract

The paper traces the history of fingerprinting, scientific facts about use of fingerprints and detection methods using fingerprints in relation to its practice in Islamic jurisprudence. The article analyzes views of scholars of Islamic jurisprudence on the use of fingerprints for the purpose of implication in courts of law. The article is of the view that according to Islamic jurisprudence, fingerprinting may thus be used courts of law.

Keywords Finger prints, Islamic jurisprudence

PENDAHULUAN

Di Malaysia, setiap warganegara akan diambil cap ibu jari kanan dan kiri untuk penyediaan kad pengenalan. Kad pengenalan ini mempunyai rekod pemegang seperti nama, tarikh lahir, alamat, cap jari dan juga gambar. Di samping itu, pihak pendaftar penjenayah pula memiliki rekod cap jari penjenayah-penjenayah di Malaysia. Hal ini dapat membantu pihak polis mengenal pasti tertuduh atau mangsa yang tidak dikenali

dengan membandingkan cap jari mereka dengan cap jari yang terdapat pada kad pengenalan (Shahrom, 2001).

Pihak yang membantu siasatan bagi mengenal pasti tertuduh atau suspek ialah Pusat Pendaftaran Penjenayah. Selain membantu siasatan, pusat ini juga berperanan dalam mengesahkan identiti penjenayah, mangsa bunuh dan sebagainya. Di Malaysia, hanya jabatan ini yang boleh mengeluarkan keterangan mengesahkan siapakah pemilik cap jari tersebut. Ini kerana jabatan ini telah diwartakan oleh Yang Dipertuan Agong untuk memberi keterangan mengenai cap jari. Walau bagaimanapun di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) juga terdapat mereka yang mahir dalam perkara ini, tetapi tidak diwartakan untuk tujuan pengesahan identiti (Puwira Jaya bin Othman, temu bual 16 Jan. 2003).

DEFINISI CAP JARI

Definisi Cap Jari Dari Sudut Perundangan

Cap jari dari sudut perundangan didefinisikan sebagai kesan atau cap bagi bahagian kulit termasuk keseluruhan permukaan cap tapak tangan dan keseluruhan permukaan cap tapak kaki dan termasuklah ruas-ruasnya (Puwira Jaya, t.t.).

Dengan adanya definisi di atas, pihak pendaftaran jenayah boleh membuat perbandingan cap tapak tangan dan juga cap tapak kaki. Sebaliknya, tanpa definisi tersebut, hanya cap jari pada bahagian ibu jari sahaja yang boleh dibuat perbandingan. (Puwira Jaya bin Othman, temu bual).

Definisi Cap Jari dari Sudut Sains

Cap jari dari sudut sains ialah perbezaan kontur jaluran kasar (*friction ridge*) di antara jalur yang timbul dan lurahnya (Puwira Jaya, t.t.). Jalur yang timbul ini ialah susunan barisan liang-liang peluh yang bercabang, melintas atau terputus yang membentuk ciri unik tersendiri.

Jalur-jalur ini asalnya adalah pulau-pulau (titik) yang mempunyai liang-liang peluh yang tersusun dalam satu barisan. Pulau-pulau ini pula lama kelamaan bercantum membentuk garisan dan jalur cap jari. Proses ini berlaku ketika janin berumur 4 bulan di dalam rahim ibu dan lengkap sepenuhnya pada bulan ke-6. Manakala fungsi kulit cap jari ialah untuk melindungi bahagian dalam badan, mencengkam dari kegelinciran dan yang paling penting ialah sebagai pengesahan identiti (*signature*) seumur hidup.

Sejarah Permulaan Penggunaan Cap Jari

Penemuan dan penggunaan cap jari telah wujud lebih awal sebelum tahun 1900 (Herschel, 1916). Pada tahun 1903, terdapat seorang penjenayah bernama Will West yang dipenjarakan di Leavenworth Federal Penitentiary. Sebelum kaedah cap jari diperkenalkan, proses pengenalan diri adalah menggunakan kaedah *Bertillon Measurements and Photographic* yang bermaksud kaedah mengambil ukuran saiz kepala, jarak kaki, tapak

kaki dan sebagainya. Sistem ini juga dikenali sebagai *antropometri* atau *bertillonage* bagi sempena nama pengasasnya iaitu Alphonse Bertillon (Shahrom, 2001, hal. 4). Dalam tempoh Will West menjalani hukuman penjara, ada seorang lagi penjenayah yang bernama William West dimasukkan ke dalam penjara yang sama. Masalah mula timbul apabila mereka mempunyai ukuran badan, rupa paras yang sama seolah-olah kembar seiras. Berdasarkan perkara tersebut, bolehlah dikatakan mereka ini “*identical twins*”, walaupun sebenarnya mereka tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan.

Dari sini, mereka mula merasakan terdapat kelemahan semasa menggunakan ciri-ciri tersebut sebagai kayu pengukur. Dari situlah mereka mula mencari sesuatu yang lebih kuat, kukuh serta bersifat individualistik. Masalah ini berakhir dengan penemuan cap jari sebagai pengenalan positif (Puwira Jay, t.t.).

Fakta Sainifik Mengenai Penggunaan Cap Jari

Setiap jari individu mempunyai bentuk urat jari yang unik dan tiada pendua pada mana-mana jari yang lain atau disebut bersifat individualistik. Bentuk dan sifat-sifat jalur pada cap jari adalah kekal sehinggalah ia reput setelah berlaku kematian dan fakta ini juga benar pada jari kaki, tapak tangan serta tapak kaki (Puwira Jaya, t.t. hal.3). Dengan sifat-sifat yang dinyatakan di atas, cap jari telah dijadikan sebagai pengenalan positif ditambah pula dengan sifatnya yang unik, individualistik dan kekal.

Cap jari timbul disebabkan oleh kesan peluh yang keluar melalui liang-liang halus pada permukaan jari apabila bersentuhan dengan objek. Liang-liang halus yang mengeluarkan peluh ini tersusun mengikut garisan-garisan timbul yang terdapat pada permukaan jari. Oleh sebab itu, apabila jari yang telah disapu dengan dakwat dilekapkan pada kertas maka corak yang terjadi pada kertas akan mengikut corak garis-garis timbul yang terdapat pada permukaan jari tersebut.

Peluh pada permukaan jari ini mempunyai bahan yang dapat bertindak balas dengan bahan kimia *ninhidrin* dan *iodine*. Hal ini penting bagi membolehkan pihak penyiasat menampakkan kesan cap jari yang pendam (*latent fingerprint*). Sebagai contoh, cap jari seseorang tidak dapat dilihat setelah seseorang itu memegang sesuatu. Sebagai contoh, kesan cap jari pada sekeping kertas yang dipegang tidak dapat dilihat dengan mata kasar tetapi sebenarnya boleh dikesan dan dinampakkan dengan menggunakan semburan *ninhidrin* atau wap *iodine* ke atas kertas tersebut.

Cap jari manusia kekal dan tidak berubah sepanjang hayat dan akan kembali serupa seperti asal walaupun setelah berlaku kecederaan apabila ia sembuh. Ini merupakan salah satu sebab mengapa cap jari digunakan secara meluas untuk tujuan identifikasi terutamanya dalam kes-kes jenayah. Selain itu, cap jari juga mudah untuk direkodkan, dikelaskan serta murah dari segi peralatannya. Pada zaman moden ini, cap jari dapat dihantar dari satu tempat ke tempat yang lain melalui mesin faks.

Cap jari sering kali digunakan untuk mengenal pasti identiti penjenayah apabila cap jari dapat dikesan di tempat kejadian. Oleh itu, penting bagi pihak doktor untuk tidak menyentuh apa-apa senjata, kaca, perabot, telefon atau tombol pintu di tempat kejadian yang mungkin ada meninggalkan kesan cap jari dalam usahanya untuk memeriksa mangsa sama ada yang masih hidup ataupun yang telah mati. Doktor bolehlah memegang pakaian atau badan si mati kerana bahagian-bahagian ini biasanya

tidak meninggalkan kesan cap jari. Sekiranya terdapat keraguan, pihak doktor akan bertanya kepada pegawai penyiasat polis dan sekali gus tidak mengganggu tugas-tugas mereka dengan memusnahkan bukti-bukti fizikal yang terdapat di tempat kejadian secara tidak sengaja (Shahrom, 2001, hal. 28).

Teknik Mengesan Cap Jari di Tempat Kejadian


Teknik yang paling popular digunakan untuk mengesan cap jari di tempat kejadian jenayah ialah teknik penghabukan (*dusting*) iaitu dengan menyapu habuk karbon atau aluminium dengan berus lembut halus ke atas permukaan yang disyaki mempunyai cap jari. Setelah cap jari ini ditimbulkan oleh habuk, polis akan mengambil gambar cap jari tersebut ataupun mengangkatannya dengan menggunakan pita lekat lutsinar (*transparent adhesive tape*) untuk direkodkan.

Di tempat kejadian jenayah, kadang kala cap jari tidak perlu dicari kerana kotoran ataupun darah yang terdapat pada tangan si penjenayah telah menampakkannya. Sekiranya bahan-bahan lembut yang dipegang seperti coklat, sabun, plastisin akan boleh meninggalkan kesan cetakan cap jari pada permukaan bahan-bahan tersebut. Hal ini memudahkan pihak penyiasat mengenal pasti identiti si penjenayah.

Teknik yang terakur dalam bidang menampakkan kesan cap jari ialah teknik yang menggunakan cahaya laser. Sebagai permulaannya, tempat yang disyaki mempunyai kesan cap jari pendam diwapkan dengan wap “super glue” (*ester sianoakrilat*) untuk tindak balas kimia. Bahagian ini akan disinari dengan cahaya laser argon dan kemudiannya akan *berpendarfluor* lantas menampakkan corak cap jari tersebut dengan terperinci. Corak cap jari tersebut boleh direkodkan secara fotografi (Shahrom, 2001, hal. 27).

Perkara Yang Membezakan Cap-Cap Jari

Perkara yang membezakan cap-cap jari seorang dengan seorang yang lain ialah jenis (corak) cap jari. Corak cap jari dapat dibahagikan kepada empat jenis corak yang asas, iaitu corak lengkok, gelung, pusaran dan bergabung.




Rajah 1 Jenis-jenis Cap Jari

Sumber: Shahrom, 2001 hal. 27

Lingkar cap jari ini pula boleh membuka ke arah bahagian *ulna* atau *radius* jari, maka dengan itu menambahkan lagi pembahagian jenis-jenis corak cap jari. Percabangan dan percantuman garis-garis ini pada corak-corak yang disebutkan membolehkan pihak penyiasat mengenal pasti tuan punya cap jari tersebut tanpa sebarang keraguan.

Perkara yang membezakan cap-cap jari itu ialah sifat-sifat jalur yang terbentuk semenjak janin di dalam perut ibu. Sifat-sifat jalur ini ialah susunan liang-liang peluh. Justeru, sifat-sifat jalur ini telah mewujudkan keganjilan unik yang wujud pada jalur cap jari. Sesuatu cap jari boleh mengandungi beberapa kombinasi sifat-sifat jalur ini:-

- 1) Penghujung jalur
- 2) Cabang
- 3) Taji
- 4) Pulau
- 5) Tasik
- 6) Jalur melintas
- 7) Jalur pendek



Rajah 2 Kombinasi Sifat-sifat Jalur


Sumber: Puwira Jaya (t.t. hal. 5)

Sifat-sifat jalur tersebut akan digunakan semasa membuat perbandingan cap jari di mana ia tidak sama antara individu dengan individu yang lain. Kesimpulannya, apa yang membezakan cap jari ialah jenis-jenis utama, jenis sifat-sifat jalur, kedudukan sifat jalur dan bilangan turutan sifat jalur (Puwira Jaya bin Othman, temu bual).

Melakukan Pengesahan Identiti

Untuk membuktikan bahawa cap jari seseorang itu sama dengan cap jari yang terdapat pada rekod atau tempat kejadian jenayah, persamaan pada perkara-perkara berikut hendaklah dipastikan:

- 1) Jenis yang sama
- 2) Wujud sifat jalur yang serupa
- 3) Kedudukan yang sama
- 4) Bilangan turutan yang sama
- 5) Jumlah 12 poin kesamaan
- 6) Tiada satu pun ketidakserupaan



Rajah 3 Pengesahan Identiti

Sumber: Puwira Jaya (t.t. hal. 6)

Jenis yang sama

Maksud *jenis yang sama* ialah jika salah satu cap jari tersebut berbentuk lengkung maka cap jari yang satu lagi mestilah berbentuk lengkung. Jika jenisnya tidak sama maka jelas menunjukkan ketidakserupaan antara dua cap jari tersebut. Keadaan ini dengan sendirinya membuktikan bahawa dakwaan itu adalah tidak benar sama sekali. Persamaan jenis cap jari ini merupakan perkara yang paling asas dalam proses pengesahan identiti.

Wujud sifat jalur yang serupa

Ini bermaksud, jika nombor satu bersifat *taji* maka nombor satu pada cap jari yang kedua juga mesti *taji*, jika yang kedua bersifat *tasik* maka nombor dua pada cap jari yang kedua juga mesti *tasik* dan begitulah seterusnya.

Kedudukan yang sama

Maksudnya jika pada cap jari yang pertama tajinya berada di sebelah kanan maka taji pada cap jari yang kedua juga mesti berada di sebelah kanan.

Bilangan turutan yang sama

Maksudnya ialah jika antara jalur satu dan dua diselangi oleh beberapa jalur maka perkara yang sama berlaku pada cap jari yang kedua. Bagi tujuan tersebut pihak pendaftar terpaksa membilang jalur-jalur yang membezakan antara satu dan dua dan begitulah seterusnya.

Jumlah poin kesamaan

Pendaftar penjenayah sewaktu memberikan keterangan cap jari penjenayah di mahkamah, hendaklah mempamerkan dua belas poin kesamaan. Jumlah poin ini adalah jumlah poin yang dipakai di Malaysia. Di Singapura, mereka menggunakan enam belas poin kesamaan, manakala India pula menggunakan tujuh poin kesamaan dan begitulah di tempat-tempat lain. Piawai dua belas poin sebenarnya bukanlah perkara yang ditetapkan oleh undang-undang, hakim, peguam atau pihak pihak lain, tetapi adalah kata putus pakar cap jari Malaysia supaya ia menjadi satu piawaian dan tidak berubah-ubah.

Jadual 1 Perbandingan Jumlah Poin Kesamaan di Beberapa Negara

No.	Negara	Jumlah Poin Kesamaan Yang Digunakan
1	Malaysia	12
2	Singapura	16
3	Brunei	16
4	Indonesia	12
5	Thailand	10
6	Filipina	10
7	U.Kingdom	16
8	Australia	12
9	U.S.A/Canada	Tidak Tetap
10	India	7-12


Untuk membuktikan bahawa cap jari seseorang itu sama dengan cap jari yang terdapat pada rekod atau tempat kejadian, maka persamaan mesti ada sekurang-kurangnya enam belas titik perbandingan. Manakala Sir Francis Galton telah menganggarkan kemungkinan untuk mendapatkan cap jari yang sama daripada dua jari yang berbeza adalah satu dalam enam puluh empat ribu juta (1:64,000,000,000), iaitu lebih kurang dua belas kali penduduk dunia. Malaysia mengamalkan penggunaan dua belas poin kesamaan manakala Singapura pula enam belas, (Shahrom, 2001 hal. 28).

Tiada satu pun ketidakserupaan

Selain mencari dua belas poin kesamaan antara dua cap jari, pihak Pendaftar Penjenayah juga dipertanggungjawabkan mencari ketidakserupaan yang wujud. Jika tiada satupun ketidakserupaan antara kedua-dua cap jari, maka sahlah bahawa ia adalah dari orang dan cap jari yang sama.

Maksud tidak serupa

Tidak serupa ialah apabila wujud satu sifat jalur yang terang dan sempurna tetapi tidak pada cap jari yang lain atau kedudukan dalam turutan/bilangannya tidak sama. Artinya, jika wujud satu ketidakserupaan maka akan melemahkan kedudukan cap jari tersebut.



Rajah 4 Contoh Sebenar Pengenalpastian Cap Jari Tempat Kejadian dan Rakaman Jari Suspek

Sumber: Puwira Jaya (t.t. lampiran x)

Perkara yang Menjadi Asas Ketepatan Pengesahan Cap Jari

Perkara yang menjadi asas ketepatan pengesahan cap jari ini ialah:-

- 1) Fakta Saintifik
- 2) Fakta Pengalaman
- 3) Fakta Ciptaan dan Alam Semula jadi
- 4) Teori Matematik

FAKTA SAINTIFIK

Pembentukan cap jari

Pembentukan cap jari berlaku dari dalam jari, bukannya dari luar kulit jari. Oleh sebab itu, apabila cap jari itu mengalami kecederaan dan apabila sembuh ia akan kembali normal seperti sedia kala melainkan jika kecederaan itu sampai ke kulit dalam. Walau bagaimanapun perkara tersebut tidaklah mengurangkan kekuatan cap jari malah dengan berlakunya luka dalam akan menyebabkan berlakunya parut kekal. Ia terbentuk semenjak seseorang bayi berusia empat bulan dalam rahim ibu dan lengkap sepenuhnya dalam bulan keenam. Ia sebenarnya adalah susunan barisan liang-liang peluh yang melengkung, bercabang atau terputus yang membentuk ciri unik yang tersendiri. Ketidaksamaan jalur-jalur cap jari adalah kerana berbezanya susunan *gland*, urat deria saraf dan urat darah yang mempengaruhi susunan liang-liang peluh. Oleh sebab itu tiada dua cap jari yang mempunyai susunan liang peluh yang serupa. Menurut Encik Puwira Jaya bin Othman, individu yang dilakukan klon juga tidak akan sama dengan asalnya, buktinya klon yang paling sebenar ialah kembar yang terjadi hasil dari ibu dan bapa yang sama, masa mengandung yang sama, waktu lahir yang hampir-hampir sama, walaupun begitu mereka mempunyai cap jari yang berbeza. Menurut Encik Puwira lagi, beliau mempunyai rekod dan pernah melakukan kajian ke atas cap jari pasangan kembar tersebut. Ada yang dilakukan kepada kembar dua, kembar empat dan natijahnya cap-cap jari mereka adalah tidak serupa (Puwira Jaya bin Othman, temu bual).

Hasil kajian

Daripada hasil kajian yang dilakukan, didapati setiap jari individu mempunyai bentuk urat jari yang tersendiri dan tiada pendua pada mana-mana jari yang lain (*individualistic*). Manakala bentuk dan sifat-sifat jalur adalah kekal sehinggalah ia reput setelah kematian. Fakta ini juga berlaku pada cap jari kaki, tapak tangan dan tapak kaki.

Fakta pengalaman

Di seluruh dunia, sehingga kini belum ada dua cap jari, tapak tangan atau tapak kaki yang dijumpai serupa di dalam turutan terperinci kedudukan sifat-sifat jalurnya, melainkan dari orang yang sama. Oleh itu, apabila fakta ini diputuskan maka kita hendaklah

menerimanya. Menurut Encik Puwira Jaya lagi, berdasarkan pengalamannya bekerja selama 14 tahun dalam bidang ini, beliau tidak pernah bertemu dengan dua cap jari yang sama melainkan jika dari cap jari yang sama dan orang yang sama.

Fakta ciptaan dan alam semula jadi

Tiada di dalam dunia ini yang *identical* perinciannya sama dari semua segi pembentukannya. Sebagai contoh, tidak ada jalur kuda belang yang sama, jalur harimau yang sama dan lain-lain lagi. Walaupun terdapat kesamaan *similar* tetapi tetap tidak bersifat *identical*.

Teori matematik

Satu cap jari mempunyai 7 sifat jalur dan kebarangkalian untuk mendapat salah satu dari tujuh sifat jalur ialah 1:7. Oleh sebab itu dengan menggunakan 12 poin kesamaan, kebarangkalian ia serupa ialah $1:7^{12} = 1: 13,841,287,200$. Jumlah tersebut bersamaan dengan jumlah 2 kali penduduk dunia. Itupun, jika kita menganggap cap jari itu seperti buah dadu yang mempunyai tujuh sisi. Hakikatnya perkiraan ini tidak termasuk arah, bilangan turutan serta kedudukan sifat-sifat jalur. Oleh sebab itu kebarangkalian ini jauh lebih mustahil untuk dua orang mempunyai cap jari yang sama. Kesimpulannya, dengan 12 poin kesamaan, tiada dua cap jari yang sama melainkan dari jari yang sama (Puwira Jaya Othman, t.t. 7-8).

Cap Jari dan Perundangan di Malaysia

Perundangan yang berkaitan dengan cap jari yang menjadi amalan di Malaysia adalah berdasarkan peruntukan berikut:

Seksyen 10 (1) (c) Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-orang Yang Tidak Diingini No.7/1969.

Di bawah Seksyen ini, perakuan yang ditandatangani oleh pendaftar (orang yang pakar dalam cap jari) mengesahkan bahawa cap jari yang dibuat perbandingan itu serupa hendaklah diterima sebagai keterangan dalam mahkamah. Ia menjadi bukti yang cukup mengenai perkara-perkara yang disiasat di dalamnya melainkan jika dibuktikan sebaliknya. Maksudnya hakim tidak boleh menolak jika pendaftar mengesahkan cap jari itu adalah serupa. Jika hakim enggan menerimanya, maka hakim hendaklah membawa pakar-pakar cap jari dari luar negara.

Seksyen 45 Akta Keterangan mengenai "Pendapat Pakar".

“Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mempunyai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, maka pendapat-pendapat atas perkara itu dari orang-orang yang khusus mahir dalam undang-undang negara asing, sains

atau seni itu atau dalam soal identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, adalah fakta-fakta relevan (Akta Keterangan, 1950 hal. 33)”.

Dalam seksyen ini ada dinyatakan bahawa kedudukan keterangan cap jari yang diperkukuhkan oleh orang yang mahir dalam cap jari sebagai pakar adalah diterima.

Seksyen 399 Kanun Acara Jenayah.

Dalam seksyen ini pula ada dinyatakan bahawa laporan keterangan cap jari oleh pendaftar penjenayah diterima walaupun beliau tidak hadir di mahkamah sebagai saksi. Walaupun bersyarat iaitu Pihak Pendakwa Raya menyerahkan satu salinan laporan cap jari kepada OKT (orang kena tuduh) tidak kurang dari 10 hari sebelum sesuatu perbicaraan itu dijalankan.

Perkara di atas adalah seksyen seksyen dalam perundangan yang terdapat di Malaysia yang menguatkan penerimaan cap jari sebagai bukti keterangan di mahkamah.

Cap jari ini boleh diguna pakai dalam apa jua kes yang terdapatnya cap jari seperti pembunuhan, rogol, curi, rompakan dan lain-lain lagi (Puwira Jaya, t.t.).

KES CONTOH YANG MEMBUKTIKAN KEKUATAN CAP JARI

Pegawai Pendakwa (PP) v Toh Kee Huat, 1965.

Toh Kee Huat adalah Orang Kena Tuduh (OKT) dalam kes ini di mana cap jarinya telah dikesan serupa dengan cap jari yang dijumpai di dalam kereta (cermin pandang belakang). OKT dibebaskan dari pertuduhan di bawah seksyen 379A Kanun Keseksaan atas tuduhan mencuri kereta kerana tidak ada saksi lain melainkan cap jari tersebut.

Kes tersebut telah dirayu oleh pendakwaraya di bawah seksyen (KL-criminal Appeal No.57 of 1974). Dalam perbicaraan ini OKT disabitkan bersalah. Dalam kes ini, kenyataan yang dikeluarkan oleh hakim ialah “*the weight of evidence of fingerprint can never be decried. In this case a clear prima facie case had been made out which if unrebutted warranted conviction*”. Ini bermakna cap jari adalah suatu nilai bukti yang tidak boleh diketepikan dan pihak pendakwa berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah.

Hukum Penggunaan Cap Jari bagi Tujuan Pensabitan Menurut Perspektif Fiqh Islam

Sepanjang kajian yang dilakukan mengenai hukum penggunaan cap jari menurut Undang-undang Islam, penulis dapati perkara ini belum disentuh dan diperkatakan

oleh ulama-ulama silam. Namun begitu terdapat beberapa pandangan umum ulama Islam mengenai perkara ini.

Pendapat Ulama Islam

As-Syeikh Tantawi Jauhari

Jika kita melihat tafsir '*al-Jawahir fi Tafsir al-Quran*' yang ditulis sekitar tahun 1930 oleh As-Syeikh Tantawi Jauhari seorang ulama Azhar, Mesir didapati beliau memberikan penjelasan dan jawapan yang begitu menarik mengenai permasalahan ini sewaktu beliau mengadakan perbincangan ilmiah dan soal jawab dengan seorang sahabatnya. Perbincangan ini adalah mengenai sebilangan ayat dari surah *Yasin*, surah *al-Qiyamah* dan surah *al-Fussilat*.

Antara soalan yang dikemukakan oleh sahabatnya itu ialah, bagaimana kulit bercakap dan memberi persaksian? Apa maksud tangan-tangan dan kaki-kaki akan memberi persaksian di hadapan Allah S.W.T sebagaimana yang difirmankan Allah S.W.T dalam surah *Yasin* (وَتَكَلَّمْنَا أَيْدِيَهُمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ) dan kenapa pula dikhususkan tangan dan kaki dalam persaksian? Bagaimana kulit berkata (أَنْطَقْنَا اللَّهُ الَّذِي أَنْطَقَ كُلَّ شَيْءٍ)? (Tantawi, t.t.).

Persoalan-persoalan yang diajukan oleh sahabatnya itu telah dijawab dengan jawapan berikut:

Pertama; ketahuilah bahawa makhluk berjisim yang dapat kita lihat ini terbahagi kepada dua bahagian, salah satunya manusia mampu bertindak mengikut kemampuan dan kehendaknya dan satu lagi manusia tidak mampu bertindak mengikut kemampuan dan kehendaknya. Antara yang dapat dilakukan berdasarkan kehendak manusia ialah makan, minum, bercakap dan sebagainya. Perkara ini kadang-kadang benar dan kadang-kadang dusta. Seperti, percakapan kita yang kadang-kadang benar dan kadang-kadang dusta.

Manakala perkara yang di luar kemampuan manusia ialah seperti menjadikan buah-buahan, pokok, biji-bijirin dan sebagainya. Sebagai contoh, kita tidak pernah melihat benih gandum yang ditanam tumbuh sebagai rumput ataupun terung. Maksudnya, percakapan perkara-perkara tabie dan semula jadi adalah benar akan tetapi percakapan lidah manusia kadang-kadang benar dan kadang-kadang dusta.

Sambungannya lagi, sebagaimana yang diketahui percakapan tanpa huruf dan suara terbahagi kepada dua. Pertama, jenis yang *qudus* iaitu kalam Allah S.W.T, manakala yang kedua jenis *makhluqi* iaitu percakapan makhluk. Sifat kalam Allah S.W.T adalah di luar kemampuan akal manusia untuk memikirkannya dan tanpa huruf. Ia adalah berbeza dengan percakapan makhluk yang tidak mempunyai suara dan huruf. Namun, dengan sifat Allah S.W.T yang maha mengasihi kepada hamba-hamba-Nya, maka Allah S.W.T telah menunjukkan kepada kita perkara tersebut terutama ketika kita membaca ayat (وَتَكَلَّمْنَا أَيْدِيَهُمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ). Tujuannya ialah bagi membuktikan kekuasaan dan keagungan-Nya, untuk mengenal pasti penjenayah melalui cara yang ilmiah dalam perbincangan mengenai cap jari, cap kaki dan sebagainya (Tantawi, t.t. Jld. 10, hal. 150-154)

Sahabatnya bertanya lagi, "Apa yang aku faham dari kata-katamu itu ialah makhluk-makhluk ini adalah benar pada petunjuknya dan berbeza dengan manusia. Maknanya,

kaki dan tangan ini dapat memberi petunjuk yang benar dan dapat dijadikan bukti bagi mensabitkan kesalahan penjenayah serta berbeza sekali dengan lidah manusia. Persoalannya, kenapa disebutkan tangan dan juga kaki? Tantawi menjawab, “Ayat ini sebenarnya adalah untuk kepentingan manusia juga dan di dalamnya mengandungi dua petunjuk; yang pertama membuktikan bahawa Allah S.W.T mengetahui segala perbuatan kita, manakala yang kedua sebagai bukti bahawa pada tangan dan kaki kita itu ada tanda-tanda dan bagi membuktikan benarnya tanda atau petunjuk terhadap perbuatan kita maka dijadikannya percakapan itu tanpa huruf dan suara. Maknanya, jika Allah S.W.T menerima persaksian yang diberikan oleh tangan dan kaki di akhirat, mengapa hakim di mahkamah dunia ini tidak menerimanya?

Sahabatnya bertanya lagi, “Apa kaitannya hakim di dunia ini dengan ayat tersebut? Jawab Tantawi, “Hakim ada dua kategori, hakim di dunia dan hakim di akhirat. Jika Allah S.W.T menerima kesaksian yang diberikan oleh tangan dan kaki di mahkamah (di akhirat kelak), kenapa pula persaksian kaki dan tangan tidak diterima di hadapan hakim di dunia ini?”. Selanjutnya, Tantawi menjelaskan bahawa keterangan di hadapan mahkamah itu bukan sahaja dengan kesaksian oleh saksi yang adil sahaja. Sebagaimana yang disepakati oleh para ulama bahawa hukuman yang dibuat adalah berdasarkan *al-zan* dan Nabi S.A.W berhukum berdasarkan zahir sedangkan yang tersembunyi itu Allah S.W.T yang mengurusnya. Jika berhadapan dengan perkara yang yakin maka yang *al-zan* hendaklah dilenyapkan. Begitulah juga dalam perkara ini, jika seseorang penjenayah telah dibuktikan kesalahannya melalui cap jari yang wujud pada pisau, pada tengkuk si mangsa berserta beberapa saksi yang lain, maka wajarlah dijatuhkan hukuman ke atasnya.

Sambung Tantawi lagi, “Wahai sahabatku, sesungguhnya ayat ini diturunkan untuk membuka kepada kita pintu yang selama ini tertutup di dalam bidang kehakiman sebagaimana yang diperkatakan oleh ulama Hanafi bahawa sesungguhnya *qarinah* memainkan peranan dalam pensabitan sesuatu kes jenayah”.

Sahabatnya itu terus bertanya, “Kenapa pula dikhususkan tangan dan kaki? Bukankah anggota-anggota lain juga mempunyai tanda-tanda? Dan bagaimana kamu berkata bahawa lidah kita ini berdusta sedangkan dua tangan dan dua kaki tidak berdusta, sedangkan Allah S.W.T telah menyamakan antara anggota-anggota tersebut sebagaimana firman Allah S.W.T (يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمُ أَلْسِنُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ).

Jawab Tantawi: Sebagai jawapannya kita hendaklah memahami dua perkara iaitu nilai kesaksian lidah dan juga kenapa dikhususkan tangan dan kaki. Perkara yang pertama iaitu nilai persaksian lidah, dalam hal ini Allah S.W.T telah berfirman dalam surah Yasin ayat 65: (الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ) , maksudnya: Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan. Dalam ayat ini Allah telah membisukan lidah dan membenarkan tangan dan kaki bercakap, seterusnya diterima persaksian keduanya. Dalam surah yang lain pula Allah S.W.T berfirman (يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمُ أَلْسِنُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ) yang mana dalam ayat ini Allah S.W.T menyamakan persaksian ketiga-tiga anggota iaitu lidah, tangan dan juga kaki. Apa yang dapat kita fahami di sini ialah, lidah itu kadang-kadang berdusta sekali gus tertolak persaksiannya dan pada masa yang lain persaksiannya adalah benar

dan sekali gus dapat diterima. Oleh kerana itu kadang-kadang ia dimeterai dan kadang-kadang dibuka.

Seseorang manusia selepas kematiannya dan pada hari perhitungan kelak masih lagi memiliki perasaan dan kekuatannya di dunia serta ingin bertindak mengikut kehendaknya di dunia untuk bercakap walaupun berbeza dengan apa yang ada di dalam hati. Oleh yang demikian, maka pada hari akhirat mulutnya ditutup dan diizinkan kepada tangan dan kaki yang tidak akan berdusta untuk bercakap. Kesimpulannya, keterangan yang diberikan oleh tangan dan kaki mempunyai keistimewaan yang tidak dimiliki oleh keterangan yang diberikan oleh lidah.

Kedua iaitu kenapa dikhususkan tangan dan kaki, maka Tantawi telah menerangkan bahawa semuanya merujuk kepada ilmu penyiasatan jenayah (*tahqiq jinai*) atau dalam istilah moden dikenali sebagai ilmu forensik.

Sambungannya lagi, menurut Muhammad Bik Sya^{ir} (Tantawi, t.t., Jld 10, hal. 53) dalam kitabnya *tahqiq jinai* ada menegaskan bahawa bukan suatu perkara yang menghairankan apa yang ditulis oleh Carter dan lain-lainnya yang menceritakan perbuatan polis perisik yang menyiasat dan mencari suspek berdasarkan bekas atau gelas yang dipegang oleh penjenayah. Ini kerana pada bekas tersebut terdapat cap jari si penjenayah yang tidak akan berubah dan tidak akan sama antara seorang dengan seorang yang lain. Asas yang dipegang oleh ilmu forensik ini adalah kuat, tidak boleh ditolak serta tidak boleh diperlekehkan.

Tambah Tantawi lagi, apa yang menarik perhatian ialah dua perkara iaitu; pertama, penulis mengatakan bahawa tapak tangan, jari dan juga tapak kaki adalah berbeza setiap individu. Kedua, perkara itu tidak berubah walaupun setelah orang tersebut meninggal melainkan setelah ia hancur.

Kesimpulannya, dari penerangan di atas jelaslah kepada kita mengapa Allah mengkhususkan tangan dan kaki tetapi tidak kepada anggota badan yang lain. Perkara ini bersesuaian dengan firman Allah S.W.T (سُنُرِيَهُمْ آيَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ). Kata Tantawi lagi, ayat ini seolah-olah Allah S.W.T hendak menerangkan kepada kita bahawa tangan dan kaki mempunyai sesuatu yang sukar difahami oleh akal dan Allah telah menzahirkannya sepertimana yang telah berlaku pada zaman sekarang ini.

Dari perbincangan di atas, kenyataan atau fakta sains yang mendakwa bahawa cap jari yang dimiliki oleh seseorang adalah tidak sama (bersifat unik) adalah suatu perkara yang tidak bercanggah dengan apa yang terkandung di dalam al-Quran sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Allah S.W.T di dalam ayat-ayat-Nya, iaitu (يَلَىٰ قَادِرِينَ عَلَىٰ أَنْ نَسُوَ بَنَاتُهُ).

Persoalan mengenai adakah cap jari boleh dijadikan sebagai salah satu saluran pensabitan kes, maka Tantawi telah menegaskan bahawa jika hakim di akhirat iaitu Allah S.W.T dapat menerima persaksiannya, mengapa pula hakim di dunia ini tidak boleh menerimanya. Malah bagi menguatkan lagi hujah itu, beliau menekankan dalam kitab tafsir beliau itu bahawa cap jari merupakan unsur yang besar dalam mensabitkan identiti penjenayah (Tantawi, t.t., Jld 12, Juzu' 24, hal. 317-318).

Untuk menguatkan lagi penerimaan beliau akan perkara ini, beliau telah membawakan sebuah cerita yang berlaku di Jepun di mana seorang pemuda yang telah membunuh perempuan yang diminatinya kerana perempuan tersebut tidak melayan

pemuda ini. Apa yang menarik, lelaki tersebut telah disabitkan bersalah setelah 17 bulan kejadian tersebut berlaku dengan berdasarkan kesan cap jari yang ada pada pisau yang digunakan untuk membunuh mangsa (Tantawi, t.t., Jld 17, hal. 226-229).

Ini membawa kepada kesimpulan bahawa Tantawi telah menerima cap jari sebagai salah satu saluran pensabitan kes walaupun yang melibatkan kes-kes berat seperti bunuh.

As-Syeikh^c Atiyyah Muhammad Salim dan As-Syeikh Saleh Lihaidan

Perkara ini juga telah disebutkan oleh al-Syeikh^c Atiyyah Muhammad Salim yang menyatakan bahawa cap jari merupakan *qarinah* yang kuat kerana tidak terdapat persamaan antara dua individu yang berlainan (Salim, 1396 H.). Menurut al-Syeikh Saleh al-Lihaidan juga, cap jari, sampel darah, kesan mani merupakan *qarinah* yang kuat apabila ternyata perkara tersebut milik tertuduh. Walau bagaimanapun perkara ini tidak sabit dalam kes-kes hudud tetapi hanya dalam kes-kes takzir sahaja. Manakala dalam kesalahan *qisas* perkara itu merupakan bukti (tohmahan) yang mewajibkan tertuduh ditahan dan jika ternyata beliau tidak bersalah maka hendaklah dibebaskan tetapi jika sebaliknya maka hendaklah dijatuhkan hukuman yang setimpal dengan perbuatan yang dilakukannya (Lihaidan, 1396 H.).

Kesimpulannya, antara dalil-dalil al-Quran yang menguatkan penggunaan cap jari sebagai bukti pensabitan jenayah adalah seperti berikut:-

(بَلَىٰ قَادِرِينَ عَلَىٰ أَنْ نَسُوَّيَ بَنَاتِهِ)

Bermaksud:

Bukan sebagaimana yang disangka, bahkan Kami berkuasa menyusun (dengan sepenuhnya segala tulang) jarinya, (tulang yang lebih halus dari yang lain).

(Surah al-Qiyamah (75): 4)

Menurut Razaleigh Muhamat @ Kawangit, ayat di atas menerangkan bahawa Allah S.W.T berkuasa untuk menyusun semula tulang-tulang manusia walaupun manusia itu telah mati berabad lamanya. Bukan setakat itu sahaja, malah perkara yang paling kecil iaitu menyusun jari jemari manusia dengan sempurna pun Allah S.W.T mampu melakukannya. Hasil penyelidikan yang dibuat telah membuktikan kekukuhan ayat tersebut yang membawa kepada penggunaannya sebagai tanda pengenalan seseorang individu (Razaleigh, 2003).

(حَتَّىٰ إِذَا مَا جَاءُوهَا شَهِدَ عَلَيْهِمْ سَمْعُهُمْ وَأَبْصَارُهُمْ وَجُلُودُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ. وَقَالُوا لِمَ لُجُودِهِمْ لَمْ شَهِدْتُمْ عَلَيْنَا قَالُوا أَنْطَقَنَا اللَّهُ الَّذِي أَنْطَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ خَلَقَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ. وَمَا كُنْتُمْ تَسْتَتِرُونَ أَنْ يَشْهَدَ عَلَيْكُمْ سَمْعُكُمْ وَلَا أَبْصَارُكُمْ وَلَا جُلُودُكُمْ وَلَكِنْ ظَنَنْتُمْ أَنَّ اللَّهَ لَا يَعْلَمُ كَثِيرًا مِمَّا تَعْمَلُونَ)

Bermaksud:

Sehingga apabila mereka sampai ke neraka, (maka) pendengaran dan penglihatan serta kulit-kulit badan mereka menjadi saksi terhadap mereka, mengenai apa yang mereka telah kerjakan (20) Dan (setelah berlaku yang demikian), berkatalah mereka kepada kulit-kulit badan mereka: "Mengapa kamu menjadi saksi terhadap kami?" Kulit-kulit badan mereka menjawab: "Allah yang berkuasa menjadikan tiap-tiap sesuatu pandai berkata-kata telah menjadikan kami dapat berkata-kata; dan Dialah yang menciptakan kamu pada mulanya, dan kepada-Nyalah kamu dikembalikan (21) Dan semasa kamu berselindung (ketika melakukan dosa di dunia dahulu) bukanlah kerana kamu bimbangkan pendengaran dan penglihatan serta kulit-kulit badan kamu menjadi saksi terhadap perbuatan-perbuatan kamu yang berdosa itu, akan tetapi kerana kamu menyangka bahawa Allah tidak mengetahui kebanyakan dosa yang kamu lakukan (secara bersembunyi itu).

(Surah Fussilat (24): 20-22)

﴿الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَنَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ﴾

Bermaksud:

Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.

(Surah Yasin (23): 65)

Tiada Syubhah

Hujah kedua yang menguatkan keharusan penggunaan cap jari dalam pensabitan ialah tiada *syubhah*. Sebagaimana yang dibincangkan pada *qarinah*, antara dalil yang paling asas penolakan ulama dalam perbincangan *qarinah* ialah wujudnya syubhah atau keraguan. Syubhah merupakan suatu keadaan yang boleh berubah dengan berubahnya sistem dan keadaan masyarakat. Selain itu, wujudnya sistem dan teknologi dalam bidang penyiasatan sehingga boleh mencapai tahap tanpa keraguan yang munasabah dan dapat menggantikan tahap yakin yang ditetapkan oleh ulama bagi kes-kes tertentu telah meminimumkan keraguan atau syubhah ini.

Pendapat Pakar Mengenai Cap Jari

Hasil temu bual penulis dengan penolong pendaftar penjenayah, penulis difahamkan bahawa sains cap jari ini telah menjadi fakta saintifik dan berdasarkan pengalaman beliau yang terlibat secara langsung dalam pengkhususan ini mendapati bahawa tidak terdapat satu pun kesamaan pada dua cap jari. Beliau juga mengatakan sebanyak 95 peratus kes jenayah berjaya diselesaikan melalui cap jari yang akhirnya membawa kepada pengakuan tertuduh.

KESIMPULAN

Cap jari adalah salah satu saluran pensabitan yang diharuskan dalam Islam jika dapat dilaksanakan dengan baik oleh pihak yang terlibat. Kesimpulan ini dibuat setelah melihat kepada hujah-hujah saintifik dan dalil-dalil syar'ie sebagaimana yang telah dinyatakan. Dalil-dalil yang dikemukakan oleh ulama Islam di atas ternyata kuat dan ia selari dengan perkembangan ilmu semasa. Dengan kesimpulan ini juga diharapkan pihak berwajib tidak lagi berasa teragak-agak daripada segi hukum penggunaannya dalam menangani isu-isu semasa seperti rogol, bunuh dan lain-lain. Cuma satu perkara yang perlu diingat ialah keharusan ini masih bergantung kepada perjalanan prosedur yang baik. Jika sebaliknya yang berlaku, bukan sahaja cap jari, malah *sayyidul adillah* iaitu pengakuan, persaksian dan lain-lain juga boleh dipertikaikan.

RUJUKAN

- Akta Keterangan 1950 (Akta 56), Kuala Lumpur: International Law Book Services (ILBS).
- Herschel, William J., (1916). *The Origin of Finger-Printing*. London: Oxford University Press.
- Lihaidan, As-Syeikh Saleh, (1396 H). Wizarah al-Dakhiliyyah, *al-Nadwah al-Ilmiyyah li Dirasah Tatbiq al-Tasyric al-Jina'i al-Islami wa Atharuhu fi Mukafahah al-Jarimah fi al-Mamlakah al-cArabiyyah al-Sacudiyah* Saudi Arabiyyah: Juzu' 1, hal. 123.
- Puwira Jaya bin Othman, tanpa tarikh. *Sains Cap Jari Dan Teknik Perbandingan*. Sebuah Kertas Kerja. Kuala Lumpur: Tanpa penerbit.
- Razaleigh, Muhamat @ Kawangit (2003), *Penyelidikan al-Quran sebagai Medium Dakwah dalam Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan (Pembudayaan Penyelidikan dalam Pendidikan Islam)* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salim, Atiyyah Muhammad, (1396 H). Wizarah al-Dakhiliyyah, *al-Nadwah al-Ilmiyyah li Dirasah Tatbiq al-Tasyric al-Jina'i al-Islami wa Atharuhu fi Mukafahah al-Jarimah fi al-Mamlakah al-cArabiyyah al-Sacudiyah* Saudi Arabiyyah: Juzu' 1, hal. 123.
- Shahrom, Abd. Wahid (2001). *Patologi Forensik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tantawi, Jauhari As-Syeikh (t.t.). *Al-Jawahir fi Tafsir al-Quran al-Karim* Caiaro: Dar al-Fikr, 2nd ed., Juzu' 19, hal. 150.